

30/06/2003

Abdullah mahu gejala rasuah dihapus hingga ke akar umbi

Daud Awang

MELAKA: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu gejala rasuah dihapuskan sehingga ke peringkat akar umbi.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kegiatan rasuah tidak boleh dibenarkan dan jika ada pengaduan, siasatan perlu dijalankan segera.

"Saya bercakap perkara ni banyak kali dah... penyakit rasuah kita tidak

boleh benarkan membiak dan kita mesti mengurangkan rasuah serta menghapuskannya.

"Jika ada aduan yang disampaikan kepada polis atau Badan Pencegah Rasuah

(BPR), siasatan mestilah dijalankan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Pejabat Timbalan Perdana Menteri di A Famosa Resort, Alor Gajah di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kebimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai bahaya mengamalkan rasuah terutama

di kalangan orang Melayu kerana jika tidak berwaspada, negara mungkin jatuh ke tangan perasuah paling teruk.

Dr Mahathir berkata, amalan buruk itu sepatutnya dihindari seperti racun, tetapi malangnya masih ramai rakyat termasuk orang Melayu melihat rasuah sebagai jalan mudah untuk meraih kekayaan.

Mengenai cadangan kerajaan menambah 23,000 anggota polis, Abdullah berkata, pengambilan itu akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima tahun dan bukan dua tahun seperti yang dilaporkan.

"Memang kita rancang nak ambil 23,000 anggota polis dan dalam tempoh dua

tahun ini cuma 4,000 akan diambil.

"Bakinya akan diambil secara berperingkat dalam tempoh lima tahun kerana

kita perlu tambah kapasiti pusat latihan selain jurulatih tambahan untuk melatih anggota terbabit," katanya.

Abdullah kelmarin dipetik sebagai berkata kerajaan akan menambah 23,000

anggota polis pelbagai peringkat dalam usaha memperkuatkan lagi pasukan itu untuk menghadapi cabaran masa kini.

Beliau berkata, pengambilan itu bagaimanapun akan dibuat secara berperingkat selain memastikan kemudahan di pusat latihan turut dipertingkatkan.

Mengenai 20 kompleks balai polis dan rumah kediaman anggota serta pegawai polis yang terbengkalai, Abdullah berkata, ia akan dibaiki dengan

segera demi kemudahan anggota terbabit.

Beliau berkata, projek itu bukan dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara (SPN) Sdn Bhd sebaliknya dilakukan melalui tender terbuka dan sebahagiannya oleh syarikat perumahan yang ditawarkan kontrak pembinaan.

Akhbar kelmarin melaporkan lebih 20 projek pembinaan kompleks balai polis dan rumah kediaman anggota dan pegawai polis yang dilaksanakan di

seluruh negara sejak empat tahun lalu masih terbengkalai.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, dipetik sebagai berkata kelewatan menyiapkan kediaman di bawah KDN itu berpunca daripada kontraktor yang bermasalah.

Antara projek terbabit ialah kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Kerian di Bagan Serai berharga lebih RM140 juta.